

Keliru nasab keturunan

>>Oleh **NORAINON OTHMAN**

norainon@hmetro.com.my

RAWATAN benih luar rahim (IVF) pernah dilakukan. Kaedah suntikan sperma, intracytoplasmic sperm injection (ICSI) juga sudah diusahakan. Namun, langkah itu tidak juga berhasil dalam memperoleh cahaya mata.

Kesukaran memperoleh cahaya mata akhirnya mendorong pasangan suami isteri mendapatkan khidmat bank sperma. Itu situasi yang berlaku hari ini.

Rupa-rupanya kaedah itu bukan saja popular di negara Barat, tetapi juga wujud di negara ini sejak beberapa tahun lalu. Bank sperma dikendalikan hospital swasta bagi membantu pasangan bukan Islam memperoleh anak.

Majlis Fatwa Kebangsaan

Benih

bank

sperma

mengharamkan perkhidmatan bank sperma. Disebabkan tiada peraturan khusus, Kementerian Kesihatan ber-cadang menggubal undang-undang khusus mengenai perkhidmatan bank sper-

ma bagi mengelak kekeliruan bakal wujud di kalangan masyarakat, terutamanya umat Islam.

Kita tinjau pandangan mereka mengenai perkhidmatan bank ini.



Pensyarah Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia,
Dr Rozmi Ismail



Presiden Kesatuan Wanita Muslim Antarabangsa Malaysia (IMWU),
Dr Robiah Kulop Hamzah



Penolong Profesor Kulliyah Ilmu Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Dr Abdul Salam Muhammad

"KAEDAH ini lebih kurang sama dengan klon. Contoh lain seperti kita pergi ke pusat perabot dan sudah tentu mahu memilih perabot yang memenuhi kriteria tertentu seperti berkualiti, cantik dan tahan lama.

Dalam kes bank sperma, seseorang itu juga mahu lahirkan anak cerdik, baik, cantik dan elok daripada semua segi iaitu daripada genetik bagus. Takut akhirnya ia menjadi ke arah itu iaitu mengklonkan manusia.

Masalah timbul ialah daripada segi keturunan. Kita perlu tahu asal keturunan kita atau bagi orang Islam, anak itu berbinak siapa.

Apabila anak diperolehi dari bank sperma, tidak tahu anak itu dari siapa atau susur galur keturunannya. Tindakan mengambil benih anak dari bank sperma adalah tidak sah daripada segi perkahwinan."

"BENIH adalah benda paling mahal untuk menentukan identiti. Mungkin kaedah ini satu pencapaian dalam sains, tetapi jika dilihat daripada segi hakikat, ia menjejaskan banyak perkara kerana berlawanan dengan budaya dan agama.

Kaedah ini seumpama klon manusia. Ia berbeza dengan konsep derma darah atau organ kerana darah mengalir keluar masuk dan organ tidak berkembang, sebaliknya benih (sperma) menjadi manusia.

Lebih banyak masalah timbul daripada kaedah ini kerana ia membabitkan nilai daripada segi baka, jurai keturunan dan hak waris. Apabila sperma diambil bukan daripada suami, apakah status atau taraf anak itu."

"PERKARA ini membabitkan soal keturunan apabila sperma digunakan oleh orang lain. Seharusnya ada panduan tertentu yang tidak bertentangan dengan agama dan moral.

Misalnya, di Barat, tentera yang hendak berperang di Iraq menyimpan air mani di bank sperma untuk isterinya.

Tiba-tiba suami itu meninggal dunia ketika berperang dan isteri menggunakan sperma berkenaan bagi mengandungkan zuriat suaminya.

Timbul masalah apabila anak dilahirkan, sedangkan bapanya meninggal dunia. Itu antara persoalan yang perlu kita jawab. Itu sebabnya perlu ada undang-undang tertentu membabitkan etika, sama ada untuk orang Islam atau bukan Islam."



BANTUAN... bayi yang lahir dari proses IVF di dalam inkubator.